

**Title** : BINCANGKAN PERUBAHAN PEMIKIRAN DAN SIKAP  
MASYARAKAT MELAYU DARI ASPEK PENTADBIRAN POLITIK DAN  
SOSIAL SELEPAS ABAD-19

**Author(s)** : NUR FARAH AQILAH BINTI MOHD AZALI

**Institution** : UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**Category** : Article, Competition

**Topic** : History

# **BINCANGKAN PERUBAHAN PEMIKIRAN DAN SIKAP MASYARAKAT MELAYU DARI ASPEK PENTADBIRAN POLITIK DAN SOSIAL SELEPAS ABAD-19**

Oleh: *Nur Farah Aqilah Binti Mohd Azali*

Persatuan Mahasiswa Sejarah, Sains Politik & Strategi

Universiti Kebangsaan Malaysia

## **1.0 PENDAHULUAN**

Esei ini dihasilkan oleh penulis untuk menyatakan perubahan yang berlaku pada pemikiran dan sikap masyarakat Melayu dari aspek pentadbiran politik dan sosial selepas abad-19. Melalui penulisan ini, penulis akan menerangkan dan menjelaskan perubahan yang berlaku pada masyarakat Melayu menurut gaya pemikiran mereka terutamanya dalam bidang pentadbiran politik dan sosial selepas abad ke-19.

Pada hakikatnya, perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu bukanlah sesuatu yang berlaku secara tiba-tiba tanpa proses dan melalui tahap-tahapnya. Transformasi atau perubahan merupakan satu aturan dalam hidup dan merupakan komponen paling penting apabila kita ingin mencapai sesuatu kemajuan. Transformasi, penghijrahan, peralihan atau seumpama dengannya, maksud dan signifikansi perkataan itu tetap sama iaitu melakukan perubahan daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih baik. Perbincangan tentang perubahan pemikiran dan sikap masyarakat Melayu dari aspek pentadbiran politik dan sosial dapat dihuraikan dengan jelas sebelum dan selepas kedatangan British di Tanah Melayu. Kesedaran yang berlaku dalam masyarakat Melayu sebenarnya telah melalui proses dan perkembangan selepas abad ke-19 lagi. Namun demikian, pelbagai faktor dan kesan yang membawa kepada perubahan perkembangan masyarakat Melayu dalam politik dan sosial selepas abad ke-19.

Pengetahuan asal usul politik Melayu selalu dikaitkan dengan kesultanan Melayu Melaka. Hal ini demikian kerana kerajaan Melaka merupakan kunci dalam perkembangan politik Melayu pada zaman prapenajahan. Kekuasaan dan kegemilangan kerajaan ini telah menampilkan pelbagai pengaruh yang berpanjangan kepada masyarakat Melayu. Kepentingan kerajaan ini dapat dilihat dalam perkembangan sesebuah negara dan menjadi asas pembinaan negara bangsa sehingga kini. Dari kerajaan inilah masyarakat Melayu mewarisi institusi kesultanan yang telah menjadi ciri

penting dalam organisasi dan politik Melayu. Oleh itu, raja dan sultan merupakan pemerintah yang berkuasa mutlak dalam masyarakat Melayu tradisional, malah telah menjadi tonggak kepada kuasa politik orang Melayu.

Institusi kesultanan ini mewujudkan dua golongan iaitu golongan pemerintah (raja/sultan) dan golongan yang diperintah (rakyat/hamba). Hubungan ini mewajibkan rakyat memberi kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada raja dan sebagai balasan, raja akan memberi perlindungan kepada rakyat. Amalan dalam hubungan ini begitu berpengaruh sehingga terbentuk satu norma yang menjadi pegangan masyarakat Melayu turun menurun yang berbunyi "pantang anak Melayu menderhaka kepada rajanya". Hal ini menunjukkan rakyat terikat dengan raja di yang berada di wilayahnya. Sistem politik tradisional bercorakkan hierarki yang membawa maksud raja merupakan kedudukan tertinggi sebagai pemimpin dan dibantu oleh para pembesar yang dilantik oleh raja. Terdapat juga golongan pertengahan iaitu bangsawan dan ahli agama. Akhir sekali rakyat dan hamba. Tegasnya sistem politik Melayu pada zaman prapenjajahan yang dibincangkan di atas memperlihatkan ciri-ciri feudalisme. Walaubagaimanapun, kekuasaan sultan sebagai ketua tidak kekal sehinggalah berlakunya campur tangan kuasa asing dalam pentadbiran politik di Tanah Melayu. Kejadian ini berlaku akibat sikap pemerintah Kesultanan Melayu yang penting diri dalam perebutan takhta telah membawa kepada Perjanjian Pangkor. Penguasaan British secara langsung di Tanah Melayu adalah melalui Perjanjian Pangkor 1874 yang menyelesaikan kemelut di Perak sekali gus memberi kebenaran kepada British untuk masuk campur dalam pentadbiran tempatan.

Termeterainya Perjanjian Pangkor ini telah mengubah sistem politik tradisional yang diamalkan selama ini akibat kemasukan unsur-unsur Barat. Penjajahan British membawa berbagai-bagai kesan dan impak di Tanah Melayu, terutamanya terhadap perkembangan politik Melayu. Perubahan ini dilihat apabila pihak British memperkenalkan Sistem Residen yang mencabul sistem pentadbiran politik di Tanah Melayu. Sistem Residen ini mengekalkan institusi kesultanan dan memerintah atas nama sultan, tetapi setiap perihal politik akan dibantu oleh seorang residen dalam membuat satu-satu keputusan. Hal ini membuktikan pentadbiran politik di Tanah Melayu tidak bebas dan nasib orang Melayu juga tidak terjamin. Selain itu, campur tangan pihak British ini telah membawa kepada pemerintah kolonialisme dari segi politik ekonomi dan sosial. Terdapat banyak perubahan yang terjadi hasil daripada kolonialisme ini dalam kehidupan

masyarakat Melayu. Oleh itu, berlakunya perubahan pemikiran dan sikap masyarakat Melayu selepas abad ke-19.

## **NASIONALISME**

Permulaan kepada perubahan politik dan nasib bangsa tercetus apabila perasaan nasionalisme yang menjadi tunjang utama dalam jasad masyarakat Melayu telah membawa kepada wujudnya golongan-golongan nasionalisme yang berusaha untuk membebaskan negara daripada penjajah asing. Menurut Kamus Dewan, nasionalisme merujuk kepada perasaan cinta pergerakan untuk mencapai kebebasan ekonomi dan politik daripada kuasa asing dan semangat kebangsaan (Kamus Dewan Edisi Keempat).<sup>1</sup>

Kebangkitan menyeluruh perkembangan sosio-politik Melayu disedari bermula pada sekitar tahun 1945 (Ramlah Adam 1978, Fawzi Basri 1992: 113-115)<sup>2</sup>, tetapi kesedaran tersebut mulai tumbuh sejak awal abad ke-20. Kesedaran nasionalisme ini bermula daripada mereka yang menuntut di Timur Tengah yang menjadi pencetus perkembangan sosio-politik Melayu. Pelajar di Universiti Al-Azhar telah terpengaruhi dengan reformasi Islam yang dipimpin oleh Muhammad Abduh. Gerakan ini bukan berpaksikan politik pada tahap awal penubuhannya tetapi adalah tentang modenisasi Islam. Gerakan ini menekankan keperluan Islam dalam moden yang dikaitkan dengan sains, matematik dan teknologi Barat (Chamil 1987:20-21).<sup>3</sup> Mereka muncul sebagai golongan intelektual yang bercita-cita tinggi untuk memperbaiki keadaan sosiopolitik Melayu. Mereka juga bercita-cita membangunkan daya pemikiran tinggi dengan pencatutan moden, pembaharuan pendidikan yang lebih mencabar dan berusaha untuk melindungi daya suntikan kepada Muslimin di Tanah Melayu (khoo 1982: 174)<sup>4</sup>. Golongan intelektual ini dikenali sebagai Kaum Muda. Corak penyebaran Islam oleh Kaum Muda ini berbeza dengan Kaum Tua yang merupakan ahli agama yang berada di Tanah Melayu. Kaum Muda menyalurkan idea mereka melalui akhbar dan majalah. Contohnya, akhbar Melayu *Al-Imam* dan *Seruan Al-Azhar*. Akhbar ini digunakan untuk menyampaikan isu agama sosial, politik dan ekonomi. Selain itu, Kaum Muda juga berjaya menggunakan madrasah dan sekolah agama untuk menyebarkan idea tentang kebebasan, kemerdekaan dan kemajuan kepada orang Melayu ketika itu. Oleh itu, gerakan yang

---

<sup>1</sup> Kamus Dewan Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Seksyen 16, Selangor: Reka Cetak Sdn. Bhd.

<sup>2</sup> Ramlah Adam. 1978. UMNO: Organisasi dan kegiatan 1945-57. Kelantan: Mohd Nawi Book Store.

<sup>3</sup> Chamil Wariya. 1987. Politik Kompromi. Kuala Lumpur. 'K' Publishing & Dist Sdn. Bhd.

<sup>4</sup> Kho Kay Kim. 1982. Melaka dan sejarahnya .Melaka:PSMM

dibawa oleh Kaum Muda ini telah membawa satu perubahan yang positif kepada agama Islam dalam mengubah pemikiran dan sikap masyarakat Melayu di Tanah Melayu.

Selain golongan yang mendapat pendidikan dalam jurusan agama yang melahirkan reformasi agama, terdapat juga golongan yang mendapat pendidikan Melayu dan Inggeris di Tanah Melayu. Golongan daripada kedua-dua aliran ini melahirkan intelek dan reformis baru Melayu. Mereka yang merupakan pelajar lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) di Tanjong Malim juga terlibat dalam arus politik. Antaranya Ibrahim Yaacob yang memimpin penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Tujuan gerakan kesatuan ini adalah untuk mencapai kemerdekaan bersama Indonesia. Hal ini menunjukkan bahawa golongan guru adalah kelompok pertama yang lantang memperjuangkan politik Melayu. KKM dianggap daripada kelompok radikal Melayu kerana mengambil pendekatan anti-Inggeris, antiraja dan condong kepada nasionalisme Indonesia.

Di samping MPSI melahirkan guru-guru Melayu, MPSI juga melahirkan golongan menengah Melayu baru. Golongan ini ialah Maktab Melayu Kuala Kangsar (MMKK) yang merupakan institusi penjajah dengan medium pengajaran berpaksikan Barat. MMKK yang ditubuhkan pada 1905 di Kuala Kangsar dikhususkan hanya untuk golongan bangsawan dan elit Melayu. Melalui penerapan nilai Barat golongan elit ini terasimilasi dan terasing secara kental dalam arus kehidupan. Tidak dinafikan bahawa melalui penubuhan MMKK pihak kolonial secara tidak langsung telah menyediakan lapisan elit Melayu untuk keperluan masa depan. Tujuan kepentingan kolonial memberi sedikit keistimewaan kepada elit Melayu iannya dapat dijadikan agen untuk kepentingan British. Walaubagaimanapun, penubuhan MMKK lebih cenderung untuk keperluan kolonial namun untuk jangka Panjang tujuan penubuhannya turut diperolehi oleh rakyat di Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana tenaga golongan elit tempatan ini diperlukan bagi memenuhi kekosongan pemerintahan dan pentadbiran Tanah Melayu apabila kuasa asing tiada. Golongan elit Melayu diasuh dan diarahkan minda mereka sesuai dengan cara British. Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa MMKK telah melahirkan golongan yang sangat berpengaruh dalam politik Melayu, khususnya melalui UMNO secara sederhana dan Dato' Onn merupakan antara tokoh lepasan maktab MMKK.

Oleh itu, golongan-golongan intelektual ini adalah pencetus kepada nasionalisme di Tanah Melayu yang bukan sahaja bertujuan membebaskan negara daripada penguasaan asing, malah kebebasan pemikiran masyarakat Melayu dalam kehidupan. Dengan pergerakan mereka, maka

politik di Tanah Melayu berkembang dan berjaya mencapai matlamat untuk menyuntik semangat nasionalisme dalam diri masyarakat Melayu.

### **ALIRAN POLITIK**

Dengan pembentukan gerakan yang dibawa oleh golongan intelektual, munculnya aliran politik dalam perkembangan politik di Tanah Melayu. Soenarno(1960) dalam penelitian mengenai nasionalisme Melayu berpendapat bahawa penubuhan KMM menandakan kewujudan dua aliran iaitu kiri dan kanan dalam perkembangan nasionalisme Melayu<sup>5</sup>. Aliran perkembangan politik yang dimulakan KMM itu sering dianggap sebagai aliran politik kiri Melayu. Pembentukan KMM dengan kepemimpinan dan keanggotaan golongan desa-tani menampilkan perubahan dan cabaran kepada golongan elit aristokrat yang merupakan pemimpin masyarakat Melayu yang sedia ada. Tambahan pula, oleh sebab terdapat persamaan latar belakang sosial para pemimpinnya, maka sebahagian besar gerakan politik Melayu yang diterajui golongan reformis Islam juga merupakan sebahagian daripada aliran gerakan nasionalisme kiri ( Rustam 1994:17).<sup>6</sup>

Ketika British Kembali ke Tanah Melayu pada 1945, terdapat sebuah parti politik pertama, iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan pada Oktober 1945 di Jabatan Karang Mengarang dan Pentadbiran 'Suara Rakyat' (Ahmad Boestamam 1972: 23-24).<sup>7</sup> Pada awal penubuhannya, PKMM diketuai oleh Mokhtaruddin Lasso, Naib Ketua Dr. Burhanuddin Helmy, Setiaushaa; Dahari Ali, Bendahari; Arshad Ashaari ( Intan 1991:489, Ahmad Boestamam 1972: 28, Abdullah Ghazali 1996: 24-25).<sup>8</sup> PKMM menjalankan dasar bekerjasama dengan Indonesia untuk tujuan proklamasi Kemerdekaan. PKMM mengambil sikap anti Inggeris sehingga menyebabkan ia dianggap sebagai parti radikal. Tambahan pula, PKMM dianggap pro-komunis kerana Yang DiPertuanya iaitu Mokhtaruddin Lasso adalah bekas anggota Parti Komunis Indonesia (PKI). Justeru, PKMM tidak mendapat sokongan meluas dari masyarakat Melayu atau mana-mana pertubuhan dan kesatuan Melayu yang ada. Tambahan juga, PKMM juga tidak mengambilkira tentang hierarki masyarakat Melayu yang terdiri dari raja, pembesar dan rakyat.

---

<sup>5</sup> Radin Soenarno. 1960. Malay Nationalism 1900-1941. Journal of South East Asian History. Jilid. 1, Bil. 1 (Mac), hlm. 1-28.

<sup>6</sup> Rustam A. Sani. 1983. Robohan Nasionalisme Melayu : Asas Sosial bagi Terbentuknya Ideologi Perpaduan Nasional. Ilmu Masyarakat. Bil. 4. hlm. 9-15.

<sup>7</sup> Ahmad Boestamam. 1972. Meniti Jalan ke Puncak. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.

<sup>8</sup> Intan. 1991. Malaysia Kita. Kuala Lumpur: Intan.

PKMM cuba menggunakan satu pembaharuan dalam politik apabil menonjolkan kuasa rakyat sebagai dasar struktur dalam pemikiran politik partinya ( Ramlah Adam 1998:188).<sup>9</sup>Satu langkah yang salah yang diambil ialah apabila PKMM meyokong Malayan Union yang ditentang oleh orang Melayu.

Sementara itu aliran gerakan nasionalisme Melayu yang "kanan" pula mempunyai ciri-ciri yang berlainan. Aliran itu diperjuangkan oleh golongan elit aristokrat Melayu Tradisional. Sebagai golongan yang mempunyai pengalaman dalam pentadbiran kolonial, mereka selalu diberi kepercayaan untuk memimpin pertubuhan dan organisasi politik yang wujud terutamanya pada tahun 1930-an (Rustam, 1983b : 10). Aliran politik kanan ini merujuk sebagai parti politik yang kearah kerajaan. Perancangan Malayan Union yang dicadangkan oleh British mendapat tentangan daripada orang Melayu. Penentangan terhadap Malayan Union dilakukan kerana orang Melayu sedar akan hilangnya kedaulatan raja Melayu dan kedudukan sebagai rakyat peribumi kerana kerakyatan Malayan Union sangat longgar. Untuk menjayakan pergerakan menentang Malayan Union, seorang elit bangsawan Melayu Johor telah muncul, iaitu Dato' Onn Jaafar . Beliau merupakan Yang Dipertua UMNO yang pertama. Aliran kanan ini menanjak ke pentas kuasa apabila teretusnya penentangan orang Melayu terhadap rancangan Malayan Union. Aliran ini dari segi organisasinya terjelma kemudiannya sebagai UMNO yang merupakan hasil daripada penggabungan tenaga-tenaga politik Melayu yang terpenting dalam usaha menolak Malayan Union. Raja-raja diminta memberikan kerjasama dengan UMNO untuk memulaukan upacara pengisytiharaan Malayan Union.

Perjuangan UMNO dalam politik adalah untuk menjaga kepentingan orang Melayu. Dato' Onn bertegas menolak Malayan Union dan bagi beliau setiap undang-undang Tanah Melayu adalah patut diluluskan oleh 'Federal Coucil' Tanah Melayu sahaja. Akhirnya pihak British bersetuju 'Federal Council' berkuasa memutuskan rang undang-undang Tanah Melayu tanpa campur tangan parlimen British. Perjanjian Persekutuan pada 21 Januari 1948. Dato Onn telah mengusulkan beberapa tuntutan UMNO di mana kedudukan negeri Melayu yang dilindungi dapat dicapai dengan pembentukan Persekutuan yang menggabungkan 9 buah negeri ( Ramlah Adam 1996:57)<sup>10</sup> UMNO kemudiannya menjadi kuasa Melayu yang terpenting dalam memperjuangkan

---

<sup>9</sup> Ramlah Adam. 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

<sup>10</sup> Ramlah Adam. 1996. *Kepimpinan Politik 1945-57*. Dlm. Abdul Latif Abu Bakar, *Melaka dan Arus Gerak Kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

kemerdekaan Tanah Melayu. Para pemimpin kebanyakannya merupakan elit aristokrat yang pernah berkhidmat dalam pentadbiran kolonial berjaya memperoleh kepercayaan pihak British untuk menerima kuasa pemerintahan British di Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana British berpendapat bahawa golongan inilah mampu melindungi kepentingan mereka di Tanah Melayu apabila negara ini mencapai kemerdekaan. Kesediaan UMNO untuk bekerjasama dan berkompromi dengan MCA dan MIC dalam Perikatan turut menyumbang kepada penerimaan UMNO oleh kuasa British.

Perubahan politik yang dibawa oleh UMNO mendapat sokongan oleh masyarakat Melayu. Pergerakan golongan intelektual ini mampu mempengaruhi sikap dan pemikiran masyarakat Melayu untuk berganding bahu dalam mencapai kebebasan bangsa dan tanah air tanpa mengharapkan pemimpin semata-mata. Oleh itu, UMNO diterima oleh masyarakat Melayu pada ketika itu kerana misi dan visi UMNO yang menjaga maruah Melayu terselamat. Malah, UMNO juga mewujudkan perpaduan bersama India dan Cina menerusi kerjasama parti politik MCA dan MIC dalam satu badan politik di Tanah Melayu. Usaha yang dilakukan oleh pihak UMNO membawa kepada kebebasan negara berperlembagaan sendiri dan Merdeka.

Akhir sekali, terbukti gerakan radikal dan gerakan nasional UMNO merupakan satu pintu jalan kepada perkembangan politik di Tanah Melayu. Masyarakat Melayu juga dapat menerima dengan baik teori dan perjuangan yang diusahakan oleh golongan-golongan intelektual untuk mengubah pemikiran dan sikap mereka supaya menjadi lebih matang terutamanya politik tempatan.

## **PENDIDIKAN**

Pendidikan juga mengalami perubahan dalam kehidupan masyarakat Melayu selepas abad ke-19. Perubahan pendidikan ini boleh dilihat daripada zaman sebelum kedatangan British dan selepas kedatangan British di Tanah Melayu sebagai kuasa asing yang berkuasa semasa itu. Pendidikan merupakan nadi kepada perubahan sesuatu tamadun dan negara. Menurut kamus pelajar edisi kedua, pendidikan diberi maksud perbuatan atau perihal mendidik (Kamus Pelajar Edisi Kedua)<sup>11</sup>.

---

<sup>11</sup> Kamus Pelajar Edisi Kedua (2008), maksud *pendidikan*. Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur



Sebelum kedatangan penjajah barat, masyarakat tempatan telah mempunyai sistem pendidikan tersendiri. Orang Melayu sebelum diperkenalkan pendidikan sekular (western-type education) sudah mempunyai konsep pendidikan sesuai dengan perkembangan masyarakat pada masa itu. Konsep pendidikan pada masa itu adalah dikatakan bersifat tidak formal, tetapi lebih merupakan suatu proses sosialisasi yang mengandungi proses tunjuk ajar dalam pelbagai bentuk kebolehan, proses pembentukan akhlak dan peribadi dan juga proses membiasakan diri dengan pelbagai intipati warisan budaya (Sabihah Osman, 1990: 43-44).<sup>12</sup>

Lazimnya, pendidikan terbahagi kepada dua kategori iaitu pendidikan tidak formal dan pendidikan formal. Manakala, pendidikan formal merupakan pendidikan dalam bentuk kurikulum terancang atau program pengajian dan mata pelajaran yang disusun dan diajar kepada pelajar di institusi pendidikan seperti sekolah, kolej, dan universiti. Sebenarnya pendidikan informal ini adalah sama penting juga dengan pendidikan yang dikatakan formal. Ini adalah disebabkan pendidikan informal dan pendidikan formal mempunyai matlamat yang sama iaitu memberi kemajuan dan perubahan dalam kehidupan generasi muda bagi bangsa masing-masing sebagai mana yang dinyatakan oleh Moehlman (1951):

“ Education, both formal and informal, has accelerated the shift from rural to highly industrialized nation or cultures in the time span of a few generation” (Moehlman, 1951:2).

Dalam pada itu, selepas berlakunya penguasaan British di Tanah Melayu, British bertindak membentuk pelbagai dasar dalam melicinkan pentadbiran termasuklah dasar pendidikan kepada sosio masyarakat setempat. Dasar ‘pecah dan perintah’ yang diperkenalkan memberi implikasi kepada kehidupan masyarakat di Tanah Melayu yang berbilang kaum. Pengasingan tempat mengikut kaum menyebabkan pengasingan pendidikan di setiap kawasan. Pihak British telah membentuk dasar ketidakadilan terhadap peribumi, iaitu orang Melayu. Perpaduan dan persefahaman tidak penting kepada masyarakat di Tanah Melayu menerusi pendidikan. Perubahan yang dapat dilihat melalui perkembangan pendidikan dalam masyarakat Melayu sebelum dan selepas kedatangan kuasa asing di Tanah Melayu.

## **PENDIDIKAN TRADISIONAL**

---

<sup>12</sup> Sabihah Osman.(1990). Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pada peringkat awal, masyarakat Melayu sudah mempunyai sistem pendidikan tersendiri yang diamalkan oleh masyarakat tempatan. Pembelajaran berlaku di rumah bersama keluarga. Pendidikan ini disifatkan sebagai sistem pendidikan tidak formal. Pendidikan di Tanah Melayu adalah berlandaskan ilmu agama selari dengan kedatangan dan perkembangan Islam pada abad ke-15 yang bermula di Melaka. Pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu bertunjangkan al-Quran dan hadis dan diajar di surau-surau atau masjid pada waktu malam. Pengajian al-Quran dan ilmu pengetahuan agama merupakan sebahagian daripada aktiviti pendidikan masyarakat Melayu. Pendidikan tidak formal ini merupakan satu perkara wajib dipelajari oleh orang Melayu. Pelajaran yang diperolehi pada ketika itu melalui kaedah menghafal ayat-ayat al-Quran, menghafal doa-doa dan mempelajari perkara yang berkaitan dengan agama Islam serta memahami prinsip-prinsip asas agama Islam dengan merujuk kepada guru agama dan imam. Menurut Awang Had Salleh, di Tanah Melayu terdapat sistem pendidikan tidak formal yang dikenali sebagai sistem pondok. Sistem pondok ini telah muncul sewaktu abad ke-19 dan perkataan pondok berasal daripada Bahasa Arab 'funduq' yang bererti rumah tumpangan atau hotel (Cowan, 1976:729).<sup>13</sup> Pendidikan pondok ini memfokuskan pengajian agama dan syarat untuk menyertai pengajian ini adalah membaca al-quran, membaca dan menulis Jawi serta mempunyai kewangan yang mencukupi untuk menanggung perbelanjaan di pondok (Rostam :21).

Perkembangan selanjutnya menunjukkan bagaimana adat mendefinisikan sosialisasi kanak-kanak supaya meliputi kemahiran-kemahiran seharian yang perlu dipelajari. Tambahan ilmu selanjutnya ialah anak-anak muda berkenaan akan belajar ilmu memperlengkapkan diri seperti pengetahuan tentang belayar dan ilmu persilatan. Manakala anak-anak-anak perempuan akan menambahkan pengetahuan dan kemahirannya dengan ilmu menenun dan menjahit. Mengikut Winstedt (1966), menjelaskan orang Melayu beberapa abad lamanya mempunyai beberapa jenis perkara tentang pendidikan mereka (orang Melayu). Terdapatnya beberapa jenis latihan bagi anak lelaki dan perempuan seperti mempelajari cara menangkap ikan, menjerat binatang, bertani, menenun dan memasak daripada ibu bapa mereka. Manakala dalam pengetahuan peribahasa dan cerita lisan (rakyat) lebih banyak oleh anak perempuan berbanding dengan anak lelaki (Winstedt, 1966:131-132).<sup>14</sup> Tambahan juga, Manderson (1981) menyatakan masyarakat Melayu zaman lampau iaitu sebelum diperkenalkan sistem persekolahan secara wajib,

---

<sup>13</sup> Cowan J.M. (1976). *The Hans Wehr Dictionary of Modern Written Arabic*. New York. Spoken Language Service.

<sup>14</sup> Winstedt, R.O.(1966). *Malaya and Its History*. London. Hutchison University Library

menunjukkan zaman kanak-kanak anak muda Melayu sama ada lelaki atau perempuan mempunyai laluan pengalaman hidup yang berbeza. Bagi kanak-kanak lelaki, ketika mereka mencapai usia enam atau tujuh tahun mereka terpaksa belajar mengaji Quran dan belajar agama atau khatam Quran sebagai bekalan menghadapi kedewasaan. Sebaliknya, zaman kanak-kanak anak gadis Melayu pula sangat singkat tempohnya iaitu apabila mencapai usia lebih kurang lima atau enam tahun, dia diharapkan oleh ibunya memasak, mengemas rumah dan membasuh pakaian (Manderson,1981:22-23).<sup>15</sup>

Mansur Sanusi (1955) menyatakan pendidikan yang diperoleh oleh orang Melayu sebelum kedatangan kuasa Eropah adalah dikenali sekolah bumiputera. Beliau memetik dalam Hikayat Abdullah bahawa diceritakan yang orang Melayu tidak ada sekolah yang khas. Pada masa itu orang Melayu hanya mempunyai beberapa tempat belajar membaca Quran dan menulis pelajaran agama daripada guru Quran yang dipilih oleh ibu bapa kanak-kanak tersebut. Guru pada masa itu dikatakan mengajar berbagai-bagai ilmu seperti bersilat, bomoh, nujum, pawang, mengarang, dan menyalin. Sekolah Quran tersebut biasanya diadakan di rumah guru sahaja. Ibu bapa menyerahkan anak-anak mereka kepada guru yang dipilih berserta dengan barang bekalan seperti segulung tikar, bantal, periuk belanga, dan sekampit beras. Mereka akan belajar tiga kali sehari iaitu satu pelajaran selama satu jam. Pada waktu lapang pula, murid-murid berkenaan disuruh bekerja menolong guru masing-masing seperti membuat sawah, membuat kerja di rumah atau di dusun. Selain itu, di sekolah ini juga murid juga diajar tentang huruf Arab bagi menulis dan menyalin kitab-kitab agama dan membaca Quran. Setiap murid diwajibkan menunaikan fardhu sembahyang lima waktu sehari semalam. Sementara murid perempuan diajar membaca Quran sahaja dan tidak seperti murid lelaki, tetapi di tempat tertentu murid perempuan ada juga diajar membaca dan menulis dalam bahasa Melayu (Mansur Sanusi,1955:31).<sup>16</sup> Sebenarnya pendidikan informal ini adalah sama penting juga dengan pendidikan yang dikatakan formal. Ini adalah disebabkan pendidikan informal dan pendidikan formal mempunyai matlamat yang sama iaitu memberi kemajuan dan perubahan dalam kehidupan generasi muda bagi bangsa masing-masing sebagai mana yang dinyatakan oleh Moehlman (1951):

---

<sup>15</sup> Manderson, L. (1981). *Wanita, Politik, Dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945 – 1972*. Petaling Jaya. Fajar Bakti Sdn. Bhd.

<sup>16</sup> Mansur Sanusi. (1955). *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*. Jabatan Persuratan Kesatuan Persatuan Guru-Guru Melayu Semenanjung.Pulau Pinang. Sinaran Brash.

“ Education, both formal and informal, has accelerated the shift from rural to highly industrialized nation or cultures in the time span of a few generation” (Moehlman, 1951:2)<sup>17</sup>

Walaubagaimanapu, selepas berlakunya penguasaan British di Tanah Melayu, British telah bertindak memperkenalkan pelbagai dasar Barat bagi menlicinkan urusan pentadbiran termasuklah dari segi pendidikan. Dasar kolonialisme inilah yang mewujudkan sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu. Penguasaan British secara langsung di Tanah Melayu adalah melalui Perjanjian Pangkor 1874 yang menyelesaikan kemelut yang melanda Perak pada ketika itu tentang perebutan takhta antara Raja Abdullah dengan Sultan Ismail sekali gus memberi kebenaran kepada British untuk masuk campur dalam pentadbiran tempatan. Oleh itu, bermulalah sistem pendidikan baru yang diterapkan dalam masyarakat Melayu dengan budaya barat. Kesan sistem yang dibawa oleh British ini dapat menunjukkan perubahan dalam kehidupan masyarakat Melayu yang membawa kepada kemajuan pemikiran.

### **PENDIDIKAN VERNAKULAR**

Vernakular adalah satu bentuk bahasa yang dipakai dalam kehidupan seharian oleh sesuatu kaum dalam masyarakat (Omar, Asmah Haji 1985).<sup>18</sup> Menurut Kamus Dewan Edisi Kedua, vernakular memberikan maksud bahasa yang dipertuturkan oleh golongan atau kaum tertentu.<sup>19</sup> Ia juga merujuk kepada penggunaan bahasa atau dialek yang dipertuturkan oleh sesuatu golongan atau kaum dalam masyarakat. Oleh itu, vernakular merujuk kepada bahasa ibunda yang menjadi bahasa pengantar bagi sesuatu kaum atau bangsa yang digunakan dalam kehidupan seharian. Bagi sebahagian besar orang-orang tempatan, pada pandangan kerajaan, memadai jika setiap kumpulan mereka diberi pelajaran dalam bahasa sendiri serta bersedia menerima peranan yang ditentukan oleh pemerintah kolonial itu (Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, 1983).<sup>20</sup>

---

<sup>17</sup> Moehlman, Arthur Henry. (1951). Education In Various Cultures in Moehlman, Arthur Henry. And Roucek Joseph. S.. Comparative Education. New York. Henry Holt And Company.

<sup>18</sup> Omar, Asmah Haji (1985). Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia. m/s. 28.

<sup>19</sup> Kamus Pelajar Edisi Kedua (2008). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur

<sup>20</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya (1983) Sejarah Malaysia: Penerbit Macmillan Publishers (M) Sdn.Bhd.

Di Tanah Melayu, sistem pendidikan vernakular dilaksanakan melalui dasar ‘pecah dan perintah’. Hal ini bermaksud masyarakat di Tanah Melayu pada ketika itu iaitu Melayu, Cina dan India telah diasingkan berdasarkan kegiatan ekonomi dan penggunaan bahasa masing-masing. Tujuan pemisahan ini dilakukan adalah untuk memastikan hubungan antara kaum tidak terjalin di samping memastikan rakyat pendatang seperti Cina dan India hanya mengekalkan kesetiaan mereka kepada negara asal sahaja. Malah sekolah vernakular mempunyai kepentingan dan peranan kepada bangsa itu sahaja. Dasar pendidikan ini bertujuan hanyalah untuk menjaga kepentingan pihak British dalam kepentingan pengaruh dalam pentadbiran politik dan hasil ekonomi di Tanah Melayu pada masa itu.

Pada peringkat awal, pihak British tidak menggalakkan penglibatan orang Melayu dalam pendidikan kerana khuatir akan menimbulkan penentangan akibat kepintaran yang diperolehi melalui ilmu. Namun, British kemudiannya telah memperkenalkan sistem pendidikan vernakular bagi mempersiapkan orang Melayu untuk menjadi petani dan nelayan yang lebih baik daripada kedua ibu bapanya. British cuba menanam minat dalam diri orang Melayu terhadap pekerjaan seperti petani atau buruh serta menyuntik semangat untuk terus tinggal di kampung. Jelaslah melalui sistem ini, British cuba menerapkan aspek disiplin dan peraturan ke dalam diri orang Melayu bagi melahirkan masyarakat Melayu yang lemah tetapi setia.

Sistem pendidikan sekolah vernakular ini tidak mendapat sambutan daripada keluarga orang-orang Melayu. Mereka khuatir bahawa anak-anak Melayu akan terpengaruh dengan budaya Kristian. Pada masa itu ibu bapa lebih memilih untuk menghantar anak-anak Melayu ke sekolah pondok bagi mendalami ilmu agama. Oleh itu, pembesara-pembesar meminta jasa baik A. M. Skinner untuk menarik semula minat dan kepercayaan orang Melayu. Beliau telah mengemukakan rancangan persekolahan dua sesi, iaitu pagi dan petang. Di sebelah pagi, murid-murid mengikuti pelajaran Bahasa Melayu (dalam tulisan Jawi), Matematik, Sejarah, Ilmu Alam dan mata pelajaran vokasional seperti pertanian. Di sebelah petang, murid-murid mengikuti pelajaran bahasa Arab dan al-Quran. Walau bagaimanapun, bantuan tidak disediakan bagi kelas-kelas agama pada sesi petang. Disebabkan beberapa masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu pada masa itu, termasuk juga masalah kewangan sehingga sekolah agama tidak mendapat sambutan. Hal ini kerana ibu bapa masyarakat Melayu tidak mampu untuk membayar gaji guru-guru agama yang tidak dibantu oleh pihak British. Keadaan ini berlarutan sehingga mendorong pihak British

memperkenalkan enakmen di beberapa negeri seperti Perak, Selangor dan Negeri Sembilan yang mewajibkan anak-anak Melayu yang berumur 7 hingga 14 tahun untuk hadir ke sekolah. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan ibu bapa ini dikenakan denda (*Federated Malay States*, 1933).

Oleh itu, maka terbentuk sekolah Melayu pertama di Bayan Lepas pada 1885 yang bernama Sekolah Kebangsaan Gelugor. Pada tahun berikutnya pula, sebuah lagi sekolah Melayu didirikan di Teluk Belanga dan Kampung Gelam. Pada tahun-tahun berikutnya, semakin banyak sekolah-sekolah Melayu dibina. Sukatan dalam pembelajaran melalui sistem ini adalah menggunakan 3 M iaitu membaca, menulis dan mengira. Mata pelajaran yang diajar pula ialah Bahasa Melayu, ilmu alam, ilmu kira-kira dan ilmu tawarikh. Buku-buku Melayu telah dicetak dan guru-guru Melayu mula diberikan latihan pengajaran apabila Maktab Perguruan Sultan Idris telah dibangunkan pada tahun 1922 yang bertujuan menyediakan tenaga pengajar.

Di samping itu juga, British telah bertindak membina dualisme pendidikan yang memisahkan golongan elit dengan rakyat kelas biasa atau bawahan. Pemisahan ini telah menyebabkan golongan atasan sahaja yang menerima pendidikan Inggeris manakala sekolah-sekolah Melayu hanyalah untuk golongan bawahan sahaja. Pada bulan Januari 1905, Kolej Melayu Kuala Kangsar telah dibuka. Pada asalnya, kolej ini ditubuhkan bertujuan untuk melatih kanak-kanak Melayu dari keturunan bangsawan dan Raja untuk perkhidmatan kerajaan. Kemasukkan ke kolej ini adalah diutamakan kepada kanak-kanak Melayu yang bersekolah di sekolah Inggeris. Namun, meskipun terdapat permainan kriket, ragbi dan lain-lain tradisi 'public school' di England, tetapi semangat perasaan kemelayuan masih dikekalkan dengan penuntut-penuntutnya memakai baju, sarung dan songkok apabila menghadiri kelas membaca al-Quran dan menghormati hari-hari yang dimuliakan oleh kaum Muslimin. Kejayaan Kolej Melayu ini memaksa pihak British untuk memenuhi janjinya dengan mengambil lulusan terbaik ke dalam perkhidmatan pentadbiran.

Pembukaan Kolej Melayu dan diikuti pula dengan pengaliraan orang-orang Melayu yang berpendidikan Inggeris ke dalam perkhidmatan kerajaan adalah natijah yang nyata kepada orang-orang Melayu bahawa pendidikan Inggeris ini membawa manfaat sosial dan ekonomi kepada mereka. Kesedaran ini kemudiannya diperkukuhkan lagi oleh perluasan perusahaan dagang Eropah yang memerlukan kerani-kerani dan pegawai-pegawai lain yang berpendidikan Inggeris.

Akibatnya, ibu-bapa Melayu mulai menuntu pendidikan Inggeris anak-anak mereka supaya mereka mendapat peluang bekerja sama ada dengan kerajaan atau firma Eropah. Banyak penghulu Melayu meminta supaya sekolah Inggeris dibuka di sekolah Melayu. Hal ini demikian menunjukkan bahawa sebahagian masyarakat Melayu telah berfikiran terbuka menerima pendidikan Inggeris. Tambahan juga, sekolah Inggeris ini menunjukkan perbezaan dari sekolah vernakular yang khusus menampung murid-murid dari satu kumpulan etnik anak-anak Melayu, Cina dan India. Sekolah ini menunjukkan aspirasi yang sama dikongsi oleh murid-murid, di samping keseragaman sesuatu cita-cita yang ditekankan oleh sistem sekolah Inggeris membantu mencipta satu ikatan teguh yang dapat mengatasi perbezaan etnik dan latar belakang sosial murid-murid berkenaan.

Namun begitu, penjajah Inggeris tidak mempunyai dasar yang jelas berkaitan pendidikan Islam di Tanah Melayu. Ini memberi peluang untuk anak-anak muda Melayu yang kembali belajar dari Timur tengah untuk memulakan sistem pendidikan yang diambil dari Timur tengah untuk dikembangkan di Tanah Melayu. Anak Muda yang beraliran Kaum Muda ini kemudiannya telah memperkenalkan Pendidikan Madrasah bagi menyaingi sekolah-sekolah sekular Inggeris selain memperjuangkan kemajuan bangsa Melayu dalam pendidikan. Perkembangan pesat Sekolah Inggeris dan vernakular Melayu telah menimbulkan kebimbangan kepada golongan kaum muda dan aliran pendidikan agama kerana mereka bimbang sekolah-sekolah tersebut akan menyebarkan ideologi sekularisme yang dapat mengancam Agama Islam dan budaya Melayu. Kedatangan golongan Muda ini adalah untuk membawa semangat reformasi Al-Azhar. Perkembangan pendidikan Melayu dalam agama diperluaskan melalui madrasah yang memiliki kesempurnaan ilmu agama dan ilmu dunia pada ketika itu. Dalam kerangka tersebut, keseimbangan kedua-dua ilmu dapat dipelajari oleh orang-orang Melayu selain pendidikan aliran Inggeris dan kolej-kolej yang diselia oleh British. Sistem madrasah ini membawa pembaharuan dan kemajuan dalam pendidikan Melayu, terutamanya pelajaran orang-orang Melayu dapat dipertingkatkan ke peringkat yang tinggi, seiring dengan hasrat perjuangan Za'ba dalam memartabatkan orang-orang Melayu dalam pendidikan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Adnan Nawang (1998). Penubuhan madrasah turut menuntut peranan kerajaan negeri untuk melihat keperluan mengubah pendidikan Islam mengikut aliran zaman supaya pembaharuan dari sistem pendidikan lama bercorak pondok ke sistem pendidikan baru bercorak madrasah.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pendidikan merupakan nadi kepada perubahan pemikiran dan sikap masyarakat Melayu. Pendidik telah melahirkan golongan intelektual yang mampu menyebarkan teori masing-masing dan mampu mempengaruhi masyarakat tempatan ke arah yang lebih baik. Tambahan juga, perubahan dapat dilihat apabila masyarakat Melayu semakin menitikberatkan pendidikan kepada anak-anak mereka untuk menjadi lebih baik.

## **TRANSFORMASI WANITA MELAYU**

Masyarakat Melayu Tradisional tidak mementingkan kedudukan wanita dalam sektor-sektor utama atau pendidikan. Sebelum kedatangan British, kanak-kanak perempuan mendapat pendidikan awal seperti membaca al-Quran dan ilmu kemahiran seperti memasak, mengemas rumah dan membasuh pakaian di rumah. Anak-anak perempuan akan menambahkan pengetahuan dan kemahirannya dengan ilmu menenun dan menjahit. Malah, anak gadis yang sudah cukup dewasa dan cukup besar untuk membantu kerja rumah dan baligh (cukup umur) akan menjadikan pergerakan anak perempuan berkenaan akan disekat jika berada di luar rumah. Ianya akan diajar supaya bersopan santun, lemah lembut dan bersikap hormat sesuai dengan perwatakan seorang gadis malahan bakal suaminya juga akan ditentukan oleh kedua orang tuanya (ibid: 23-24). Hal ini menunjukkan pergerakan dan kecenderungan kanak-kanak perempuan dalam sosialisasi mereka amat terhad. Pemikiran masyarakat Melayu konvensional mengenai sifat wanita yang seharusnya lemah lembut juga menjadi antara faktor kekangan mengapa wanita tidak dilibatkan dengan urusan luar khususnya politik. Sekiranya wanita didedahkan dengan arus zaman melalui pembacaan di akhbar-akhbar maka dikhuatiri wanita Melayu tidak lagi menghormati nilai-nilai ketimuran. Adat resam orang Melayu ketika itu melarang gadis yang sudah remaja keluar dengan bebas lebih-lebih lagi tiada bangunan tetap bagi sekolah perempuan.

Tambahan juga, Ibu bapa masyarakat Melayu lebih cenderung menghantar anak-anak lelaki untuk mendapatkan pendidikan berbanding anak-anak perempuan. Hal ini disebabkan pemikiran mereka bahawa anak-anak lelaki akan menjadi ketua keluarga dan memikul tanggungjawan yang lebih besar. Masyarakat Melayu Tradisional berfikiran konvensional menganggap bahawa wanita hanya diperlukan sebagai pembantu kepada lelaki. Di samping itu, ibu-ibu juga bimbang kehilangan pembantu yang boleh menguruskan rumah tangga seperti memasak, menjahit dan adakalanya membantu ibu bapa di sawah. Kebimbangan ibu bapa terhadap



pendidikan kanak-kanak perempuan bertambah apabila mereka menganggap dengan kepandaian menulis dan membaca akan menyumbang kepada penulisan surat-surat cinta. Justeru anak-anak perempuan diasuh dengan melakukan tugas-tugas harian di rumah sahaja supaya apabila berumahtangga kelak mereka dapat menjalankan tanggungjawab sebagai isteri dengan baik.

Selepas kedatangan British, ibu bapa masyarakat Melayu mula merasakan pendidikan begitu penting untuk masa depan anak-anak mereka sama ada lelaki mahupun perempuan. Misalnya sekitar tahun 1922, telah wujud kesedaran dalam kalangan pemerintah Kedah untuk memberikan pendidikan yang lebih moden kepada anak-anak perempuan mereka. Pada pandangan mereka, pendidikan amat penting diberikan kepada anak-anak perempuan walaupun mereka golongan elit dan juga golongan pembesar.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada kesedaran ini sehingga peratusan kanak-kanak perempuan ke sekolah formal mula meningkat dari semasa ke semasa. Pertama, terdapat banyak seruan atau saranan di dada-dada akhbar dan majalah mengenai kepentingan pendidikan dalam kalangan anak-anak Melayu sama ada lelaki mahupun perempuan. Majalah Al-Imam menekankan manfaat dan kepentingan pendidikan sebagai kunci kesedaran dan kemajuan bangsa Melayu. Seruan dari akhbar ini menunjukkan bahawa wanita digesa untuk membuat pengisian keintelektualan darihal menguruskan rumahtangga sehinggalah kepada pengetahuan mengenai maruah, bangsa dan negara.

Selain itu, saranan daripada tokoh pendidik seperti Za'ba mengenai kepentingan pendidikan dalam kalangan wanita. Bagi Za'ba menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap orang Islam sama ada lelaki mahupun perempuan demi mendapat kemuliaan di dunia dan akhirat. Pendidikan formal yang diterima oleh kaum wanita menyebabkan mereka mula mengalami proses transformasi terutamanya dalam bidang ekonomi. Transformasi juga dapat dilihat wanita mula terlibat dalam bidang pekerjaan seperti guru, jururawat, wartawan. Semasa zaman tradisional, masyarakat Melayu menggunakan khidmat bomoh dan pawang selain bergantung kepada herba dan tumbuhan sebagai ubat bagi merawat penyakit. Bagi wanita, mereka menggunakan khidmat bidan kampung dalam proses melahirkan anak. Kehadiran British telah mengubah perkhidmatan perubatan ke arah yang lebih moden. Wanita mula menggunakan khidmat jururawat dan bidan terlatih di hospital kerajaan.

Oleh itu, transformasi yang berlaku terhadap wanita menunjukkan masyarakat Melayu menerima perubahan yang dibawa oleh British sebagai satu bentuk kemajuan. Hal ini telah membawa kepada perubahan dalam pemikiran terbuka dan bebas daripada stigma yang kolot terhadap kehidupan masyarakat Melayu di Tanah Melayu terutama wanita. Tambahan juga, nasib wanita terjamin dan tidak dikongkong dek adat dan peraturan turun temurun yang diskriminasi antara lelaki dan perempuan.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan yang dibentangkan dapat diputuskan suatu kesimpulan bahawa tempoh selepas abad ke-19 sememangnya suatu jangka masa yang sangat signifikan dalam sejarah masyarakat Melayu. Tempoh ini memperlihatkan bagaimana masyarakat Melayu telah mengalami suatu perubahan yang sangat ketara dari segi pemikiran dan sikap mereka. Perubahan dalam politik menampakkan bahawa masyarakat Melayu bersedia dengan apa jua perubahan yang terjadi pada kehidupan mereka hasil daripada kedatangan British dan golongan intelektual. Masyarakat Melayu berani menonjolkan diri dalam menentang penguasa asing dengan tertanamnya perasaan nasionalisme terhadap negara dan bangsa. Politik di Tanah Melayu selepas abad ke-19 dapat menyaksikan perubahan yang sangat positif apabila pelbagai gerakan dan persatuan masyarakat Melayu terbentuk untuk membentuk satu negara yang bebas penjajah. Hal ini juga dapat dilihat apabila golongan intelektual mampu menguasai politik daripada pemimpin tradisional tanpa menjatuhkan kedudukan tertinggi Sultan Melayu. Tambahan juga, kecerdikan golongan intelektual dalam mengawal politik Tanah Melayu menampakkan bahawa masyarakat Melayu mampu menjamin kesejahteraan negara dan bangsa tanpa memerlukan bantuan kuasa asing.

Dari segi sosial pula, perubahan pemikiran masyarakat Melayu dapat dilihat apabila kolonialisme berlaku di Tanah Melayu terutamanya dari segi pendidikan. Hasil pembentukan sekolah vernakular dan sekolah aliran Inggeris, masyarakat Melayu sedar terhadap kepentingan pendidikan kepada sesebuah masyarakat bangsa supaya tidak ketinggalan dengan arus dunia. Keberhasilan perubahan pemikiran ini telah melahirkan ramai golongan intelektual yang sangat berpengaruh untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu. Tambahan juga, pendidikan aliran agama Islam juga telah membawa kepada pembaharuan yang datang dari pengaruh Timur

Tengah oleh golongan Muda untuk memperbaiki keadaan sosiopolitik Melayu melalui pendidikan Islam yang moden.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Boestamam. 1972. Meniti Jalan ke Puncak. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.
- Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya (1983) Sejarah Malaysia:  
Penerbit Macmillan Publishers (M) Sdn.Bhd.
- Chamil Wariya. 1987. Politik Kompromi. Kuala Lumpur. 'K' Publishing & Dist Sdn. Bhd.
- Cowan J.M. (1976). The Hans Wehr Dictionary of Modern Written Arabic. New York. Spoken Language Service.
- Intan. 1991. Malaysia Kita. Kuala Lumpur: Intan.
- Jamaie Haji Hamil. (2018). UMNO Dalam Politik Dan Perniagaan Melayu. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kamus Pelajar Edisi Kedua (2008), maksud *pendidikan* . Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Kamus Dewan Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Seksyen 16, Selangor: Reka Cetak Sdn. Bhd.
- Kho Kay Kim. 1982. Melaka dan sejarahnya .Melaka:PSMM
- Manderson, L. (1981). Wanita, Politik, Dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945 – 1972. Petaling Jaya. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mansur Sanusi. (1955). Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu. Jabatan Persuratan Kesatuan Persatuan Guru-Guru Melayu Semenanjung.Pulau Pinang. Sinaran Brash.
- Moehlman, Arthur Henry. (1951). Education In Various Cultures in Moehlman, Arthur Henry. And Roucek Joseph. S.. Comparative Education.New York. Henry Holt And Company.
- Omar, Asmah Haji (1985). Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia. m/s. 28.

- Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat (1985)Perkembangan Pendidikan orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan Western-Type-Education. Jurnal Perspektif Jil. 8 Bil. 2(79-96). Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Ramlah Adam. 1978. UMNO: Organisasi dan kegiatan 1945-57. Kelantan: Mohd Nawawi Book Store.
- Radin Soenarno. 1960. Malay Nationalism 1900-1941. Journal of South East Asian History. Jilid. 1, Bil. 1 (Mac), hlm. 1-28.
- Rustam A. Sani. 1983. Robohan Nasionalisme Melayu : Asas Sosial bagi Terbentuknya Ideologi Perpaduan Nasional. Ilmu Masyarakat. Bil. 4. hlm. 9-15.
- Ramlah Adam. 1998. Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ramlah Adam. 1996. Kepimpinan Politik 1945-57. Dlm. Abdul Latif Abu Bakar, Melaka dan Arus Gerak Kebangsaan Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sabihah Osman.(1990). Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt, R.O.(1966). Malaya and Its History. London. Hutchison University Library.

